

MAM saran ubat percuma untuk pesakit Aids

BH 18 MAY 2001

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Aids Malaysia (MAM) menyarankan kerajaan menyediakan ubat percuma atau pada harga murah untuk pesakit HIV/Aids di hospital kerajaan bagi memudahkan golongan miskin mendapatkan rawatan pesakit itu.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata ada negara seperti Brazil mengeluarkan ubat generik untuk pesakit HIV/Aids dan menawarkan dengan harga murah.

Malah, katanya, negara itu mampu memberi ubat secara percuma kepada 95,000 pesakit Aids secara percuma bagi mengurangkan tahap kesakitan mereka.

Di negara ini, sejak Disember tahun lalu, 38,000 orang disahkan menghidap HIV termasuk Aids dan lebih 3,500 orang sudah meninggal dunia akibat sindrom berkenaan.

Beliau berkata, MAM berharap penggunaan ubat generik bagi pesakit HIV/Aids dibenarkan di negara ini sama ada dikeluarkan pengeluar tempatan atau dimport dari India.

"Kita berharap ubat ini dapat diluluskan segera bagi membolehkan ia didapati di hospital kerajaan.

"Malah di negara ini, pemberian ubat bagi pesakit Aids tidak mustahil kerana pertumbuhan ekonomi Brazil dan Malaysia agak sama," katanya pada sidang akhbar sempena Hari Memperingati Aids Sedunia di sini, hari ini.

Pada majlis itu, lima badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan nasib pesakit Aids menerima sumbangan berjumlah RM35,000 bagi mengendalikan kegiatan masing-masing.

NGO itu ialah Perkhidmatan Komuniti Aids Pulau Pinang, Malaysian Care, Persatuan Perancang Keluarga Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan Pembantu Hospital Estet, St John Ambulans Malaysia, Yayasan Pink Tringle dan Persekutuan Perancang Keluarga Malaysia.